

08 NOV 1999

Khalil-Debat

UMNO SEDIA BERDEBAT TANGKIS FITNAH, KATA KHALIL

KUANTAN, 8 Nov (Bernama) -- Umno sedia berdebat dalam usahanya memerangi fitnah dan pembohongan yang dilakukan parti pembangkang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata terdapat sesetengah kalangan Umno yang menyatakan kesanggupan mereka untuk mengadakan perdebatan sebagai usaha memperjelaskan perkara sebenarnya.

"Kalau dia orang mahu berdebat, ada juga pemimpin-pemimpin Umno dan kalangan tokoh agama Umno yang sanggup berdebat. Kita telah menimbang hal ini dan kita boleh atur," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perhimpunan Wanita Barisan Nasional (BN) peringkat negeri Pahang di sini.

Perhimpunan yang disertai oleh lebih 4,000 anggota wanita dari parti-parti komponen BN turut dihadiri oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Bagaimanapun, beliau berkata, sikap prasangka perlu diketepikan kerana semua pihak perlu berpandangan terbuka dan mendengar hujah daripada kedua-dua pihak.

"Dulu kalau orang PAS ajak berdebat dengan mengambil kira suasananya, kitapun boleh menganjurkan debat tetapi kena mengambil kira dengan syarat-syarat kita juga kerana kita ingin memastikan tiada gangguan," katanya.

Mengenai Operasi Membasmi Fitnah yang dilancarkan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas, beliau berkata sekretariat khas yang diketuai Ketua Penerangan Umno Malaysia Datuk Dr Yusof Nor mengumpulkan bahan-bahan yang merangkumi banyak sudut untuk dimuatkan dalam naskhah Informasi UMNO.

Ia termasuk fitnah yang disebarkan oleh PAS dan hujah-hujah Umno untuk mematahkan fitnah itu, katanya.

Mengenai pilihan raya, Khalil berkata Wanita Barisan Nasional (BN) mempunyai tugas untuk memastikan pengundi-pengundi wanita keluar mengundi bagi memastikan kemenangan BN.

Katanya, berdasarkan statistik di beberapa negeri, purata pengundi wanita berdaftar berjumlah 52 peratus dan jumlah peratusan wanita yang keluar mengundi juga lebih tinggi berbanding pengundi lelaki yang mengundi.

-- BERNAMA

ROS RI